




JABATAN PENGAJIAN TINGGI
PEJABAT KETUA PENGARAH

ARAS 9, NO. 2, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5,
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62200 PUTRAJAYA
Tel : (603) 8870 6381 Faks : (603) 8870 6840 Web : <http://www.mohe.gov.my>



Ruj. Kami : JPT.S(BPKI)2000/09/01/015 Jld 7(2)
Tarikh : 6 Disember 2011



EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr.,

PEMBUKAAN PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PANJANG (LRGS) *BOTTOM-UP* TAHUN 2012

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan geran penyelidikan bagi menjalankan projek- projek penyelidikan jangka panjang di bawah Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) *Bottom Up* tahun 2012 akan dibuka kepada kumpulan penyelidik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bermula pada **6 Disember 2011 hingga 6 Januari 2012**.
3. Kertas konsep yang dikemukakan hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan berdasarkan kepada Garis Panduan LRGS. Tempoh penyelidikan adalah dari **3 hingga 5 tahun** dan mestilah melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) IPT. **Siling bagi setiap program LRGS adalah RM3 juta setahun**.
4. Setiap permohonan perlulah disertakan dengan satu (1) salinan *hardcopy* dan *softcopy* kertas konsep dan dikemukakan kepada pihak urus setia LRGS, Kementerian Pengajian Tinggi melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) IPT masing-masing. Pihak Pengurusan Penyelidikan IPT perlu menyenaraikan senarai kertas konsep mengikut keutamaan (Borang seperti di Lampiran B) dan menghantar kertas konsep yang lengkap selewat-lewatnya pada **6 Januari 2012** kepada:

Pengarah
Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 6, Blok E14, Kompleks E
62505 PUTRAJAYA
No. Tel. : 03-8870 6971
No. Faks : 03-8870 6867
(u.p.: Urus setia LRGS)



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT. NO. : AR 5008

5. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr. adalah dipohon untuk memaklumkan kepada kumpulan penyelidik di IPT masing-masing mengenai pembukaan permohonan LRGS *bottom-up* bagi tahun 2012.

6. Bersama-sama ini disertakan **Garis Panduan Permohonan dan Format Penulisan Kertas Konsep LRGS di Lampiran A sebagai rujukan**. Garis Panduan dan format penulisan kertas konsep juga boleh dimuat turun di laman web JPT seperti berikut: <http://ipt.mohe.gov.my/menupenyelidik.php>

7. Sekiranya YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr. mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, sukacita sekiranya dapat menghubungi pihak Urus Setia LRGS di talian 03-88706971 atau emel kepada lrgsbpki@mohe.gov.my.

8. Perkara yang dinyatakan di atas adalah untuk perhatian dan tindakan selanjutnya oleh pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr. jua.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)
Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi

s.k:

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT

Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	
T/Tangan	Tarikh
Pengarah	<i>Ust 8/12</i>
Timbalan Pengarah (Perancangan, Operasi dan Kualiti)
Timbalan Pengarah (Infrastruktur dan Instrumentasi)
Ketua Penolong Pendaftar
Sila / Untuk	<i>Pu. Syatone</i>
<input type="checkbox"/> Elcang	<input type="checkbox"/> Makluman
<input type="checkbox"/> Komen	<input type="checkbox"/> Perhatian
<input type="checkbox"/> Urus	<input checked="" type="checkbox"/> Tindakan <i>edor semua PTJ</i>
<input type="checkbox"/> Jawab	<input type="checkbox"/> Edar
<input type="checkbox"/> Semak	<input type="checkbox"/> KUV/SDP
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>